

98 mangsa banjir dibawa membeli-belah persediaan Deepavali

KLANG 9 Nov. - Sambutan Deepavali bagi 98 mangsa daripada 26 buah keluarga yang terlibat dengan kejadian banjir di Dengkil, Sepang baru-baru ini pastinya lebih ceria apabila sebuah badan bukan kerajaan (NGO) membawa mereka membeli-belah di kedai pakaian Gayathiri di sini hari ini.

Kesemua mereka menerima wang tunai sebanyak RM50 setiap seorang untuk membeli kelengkapan pakaian serta turut diberikan potongan harga sehingga 70 peratus bagi setiap pembelian selain membawa pulang sepasang sari percuma daripada pihak Gayathiri Holdings Sdn. Bhd.

Selain dibawa membeli-belah, mangsa turut menerima wang tunai sebanyak RM100 serta bantuan ba-

rangan keperluan harian seperti beras, garam dan tepung.

Biarpun sumbangan itu tidak besar sekurang-kurangnya ia dapat membantu meringankan beban kesemua mangsa.

Yang turut hadir dalam program bantuan itu ialah Pengarah Urusan Gayathiri, Moorthy Raghu dan beberapa kakitangan yang sama membantu mangsa memilih pakaian.

Semalam, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor ketika melawat mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai Dengkil berkata, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) akan menyalurkan bantuan sebanyak RM10,000 kepada setiap kawasan yang dilanda banjir ba-

ru-baru ini.

Beliau yang juga Yang Dipertua Bakti berkata, penyaluran bantuan itu bagi meringankan beban mangsa banjir dalam memperoleh barangan keperluan seharian.

Sementara itu, seorang mangsa banjir, Vimala Vellu, 45, berkata dia berterima kasih atas keprihatinan pihak berkenaan menghulurkan bantuan.

"Sumbangan ini sudah tentu menggembirakan anak-anak kerana dapat membeli pakaian baru dan menyambut Deepavali seperti biasa," katanya.

Kesemua mangsa banjir di Dengkil yang ditempatkan di lima pusat pemulihan sementara itu bagaimanapun telah dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing bagi menyambut Deepavali.



SEBAHAGIAN mangsa banjir bersama keluarga masing-masing memilih pakaian bagi persiapan Deepavali di kedai pakaian Gayathiri di Klang, semalam. - UTUSAN/SITI ROHAIZAH ZAINAL